KOMSAS: Penguasaan, Konflik dan Harapan Pelajar

Fauziah Ahmad
Zalina Mohd Lazim
Kalthum Ibrahim

Pusat Pengajian Media dan Komunikasi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kejayaan pelajar sering dikaitkan dengan penguasaan, pencapaian, sikap, persepsi dan motivasi terhadap subjek yang dipelajari. Atribusi-atribusi tersebut sering menjadi pembolehubah kepada kejayaan pelajar. Dalam konteks pembelajaran, KOMSAS merupakan komponen yang penting dalam sukatan pelajaran bahasa Malaysia. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan kerana kedua-dua aspek berkenaan lahir daripada sosio budaya masyarakatnya. Pelajar dapat menguasai bahasa dengan baik daripada aspek tatabahasanya, tetapi dalam aspek keindahan bahasa, daya intelek dan daya kreatif dapat dikuasai melalui ilmu sastera. Kajian ini bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar terhadap komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) yang menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah survei (pelajar) dan temubual (pelajar dan guru berkenaan). Seramai 1523 pelajar remaja dari Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak telah menjadi responden kepada kajian ini yang menyajikan gambaran keseluruhan aspek KOMSAS dalam bahasa Melayu pelajaran bahasa Malaysia untuk melihat tahap penguasaan KOMSAS dalam kalangan remaja di Malaysia.

Kata kunci: Penguasaan, komsas, remaja dan sosiokognitif

Abstract

Students' achievement is often associated with mastery, achievement, attitude, perception and motivation towards subjects learned. These attributions often become the variables contributing to students' success. In the learning contexts, Malay literature (KOMSAS) is an important component in the Malaysian language syllabus. It is undeniable that language and literature are inseparable as both elements are the socio-cultural products of the society. Students are often able to master language through its grammatical structure but the beauty of language, intellectuallity and creativity are derived from literature. The purpose of this research is to look at students' mastery of the Malay literature component as part of the bahasa Melayu syllabus. This research uses the survey method (students)

and interview (students and teachers). A total of 1523 students from Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak were selected to look at the extent they master the Malay literature component.

Keywords: Mastery, Malay literature component, youth and socio-cognitive

Pengenalan

Sastera merupakan antara bahan bacaan yang mampu membangunkan minda remaja sesuai dengan usia mereka yang perlu diberi kebebasan dalam keadaan yang terbimbing. Tema-tema positif dalam novel remaja mampu membantu membentuk pemikiran mereka menjadi lebih analitikal dalam usaha meraih pengalaman bagi menghadapi cabaran yang perlu dihadapi. Zaman remaja dikatakan oleh ahli psikologi sebagai zaman pancaroba di mana berlakunya satu proses sosial yang membabitkan pembentukan pemikiran, identiti dan emosi remaja di samping pendedahan kepada isu persekolahan, pekerjaan, kekeluargaan dan juga pendedahan kepada media. Hasrat yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara ialah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Remaja merupakan golongan yang terbesar di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan merangkumi 30% populasi dunia. Di Malaysia 41.5% merangkumi jumlah populasi remaja yang berumur antara 15-39 tahun. Populasi tersebut telah bertambah pada kadar purata sebanyak 2.4% setiap tahun iaitu daripada 9.85 juta pada tahun 2000 kepada 11.10 juta pada tahun 2005. Jumlah tersebut, selepas hampir lima tahun pada hari ini, angka berkenaan mungkin sudah bertambah. Oleh itu remaja harus diberi perhatian kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam kelestarian pembangunan negara.

Objektif pengajaran dan pembelajaran unsur sastera (KPM 1994a) ialah untuk menolong mengukuhkan dan meninggikan tahap penguasaan ketrampilan berbahasa dalam kalangan pelajar daripada segi lisan, bacaan dan penulisan dan penguasaan berbahasa yang diperolehi melalui penggunaan unsur sastera. Ia diharap dapat meningkatkan keyakinan diri para pelajar untuk berkomunikasi hingga ke tahap penggunaannya sebagai bahasa perpaduan, bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa pencerminan keluhuran akal budi. Melaluinya diharapkan emosi dan pemikiran kognitif pelajar dapat dibentuk dengan jayanya melalui penghayatan bahan-bahan sastera yang ditetapkan. Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan kerana kedua-dua aspek berkenaan lahir daripada sosiobudaya masyarakatnya. Pelajar dapat menguasai bahasa dengan baik daripada aspek tatabahasanya, tetapi dalam aspek keindahan bahasa, daya intelek dan daya kreatif dapat dikuasai melalui ilmu sastera. Bagi memastikan semua pelajar sekolah menengah rendah dan atas mempelajari kesusasteraan, maka penggunaan karya sastera diwajibkan

sebagai komponen dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Teuku Iskandar (1986) dipetik dari Seman Salleh (2005) memberi maksud komponen sebagai bahagian yang menjadikan sesuatu lengkap atau sempurna sementara kesusasteraan pula hasil seni dalam bentuk bentuk prosa atau puisi. Dalam konteks kajian ini, komponen membawa maksud sebahagian sahaja unsur pengajaran yang diajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Seman Salleh (2005) menegaskan lagi bahasa Melayu tetap menjadi mata pelajaran utama yang merupakan aspek makro, cuma unsur dan bahan sastera sahaja yang telah digunakan untuk melengkapkan pengajaran bahasa dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Dalam konteks kajian kami, KOMSAS merujuk kepada penggunaan teks-teks kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat yang boleh dibahagikan kepada dua, iaitu, teks novel dan teks antologi. Teks antologi merangkumi lima genre iaitu cerpen, drama, puisi tradisional, puisi moden (sajak) dan prosa klasik (PPK 1999). Penguasaan KOMSAS dalam kajian ini bermaksud kebolehan pelajar menginterpretasi elemen-elemen KOMSAS dan mendalami maksud teks dan setakat mana mereka dapat menerima KOMSAS sebagai satu mata pelajaran yang penting dan menyeronokkan.

Kemasukan KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu mulai tahun 2000 merupakan kesinambungan daripada penggunaan unsur sastera dalam mata pelajaran berkenaan ketika ia mula diperkenalkan pada tahun 1989. Terdapat perbezaan yang ketara jika dibandingkan antara silibus pengajaran unsur sastera yang diperkenalkan pada tahun 1989 dengan KOMSAS yang diperkenalkan pada tahun 2000. Dalam silibus unsur sastera yang diperkenalkan pada tahun 1989, bahan-bahan bacaan sastera dan aspek-aspek kesusasteraan yang dikaji amat umum. Status unsur sastera dianggap sebagai penerapan sahaja dan tidak wajib diambil dimana ia terletak dalam subjek bahasa Melayu. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah bebas dan tidak terikat dengan teks pilihan PPK. Waktu pengajaran unsur sastera adalah satu waktu dalam seminggu dan ia tiada penilaian yang tetap. Pengajaran dan pembelajaran unsur sastera pada masa itu dalam bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dianggap sebagai pelengkap kepada program pendidikan bahasa Melayu di Malaysia.

Dalam silibus KOMSAS yang diperkenalkan pada tahun 2000, bahan-bahan bacaan sastera dan aspek-aspek kesusasteraan seperti watak/ perwatakan, tema, pemikiran, plot dan latar yang dikaji ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Matlamat utama pengajaran KOMSAS ialah mempertingkatkan keupayaan pelajar dalam penguasaan aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa. Status KOMSAS berstatus wajib di mana semua pelajar mesti mengambil subjek tersebut. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah terancang dan waktu pengajaran mengambil masa dua waktu dalam seminggu. Dalam silibus KOMSAS pelajar dinilai dalam

peperiksaan PMR dan SPM. Tujuan KOMSAS juga diajar kepada pelajar sekolah adalah untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis (Kalthum et al 2010). Hasil daripada kemahiran berbahasa tersebut akan wujud kemahiran perbualan dan perbincangan sebagai sebahagian daripada aspek utama dalam interaksi lisan dan ia merupakan satu usaha penting bagi memperkembangkan kebolehan komunikatif pelajar (Seman Salleh 2005).

Pernyataan Masalah

Pelajar tidak menunjukkan minat dalam mendalami sastera dan tidak suka mempelajari sastera. Pelajar kini sering mengambil jalan mudah dengan hanya membaca sinopsis cerita yang banyak terdapat dalam buku rujukan untuk menjawab soalan peperiksaan bagi Komsas. Dalam pemerhatian penyelidik dan juga daripada kajian-kajian yang telah dijalankan, maklum balas tentang prestasi pelajar terhadap KOMSAS lebih cenderung kepada ciri-ciri negatif seperti pasif, tidak minat dan tiada motivasi untuk mempelajari sastera. Walaupun ada banyak teks sastera dibekalkan di pusat sumber, namun tidak ramai pelajar yang mengunjunginya dengan niat khusus untuk membaca teks sastera. Jarang terdapat pelajar mengambil inisiatif untuk membaca genre sastera, kecuali prosa, cerpen dan novel. Membaca teks sastera memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza-beza.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar untuk tidak meminati sastera adalah tabiat kurang minat membaca teks sastera mahupun teks-teks intelektual; mereka lebih terdedah dan kebih minat kepada sumber bahan bacaan yang berunsur lebih ringan dan berbentuk hiburan. Hal ini mampu menjadi penghalang kepada penguasaan KOMSAS pelajar. Terdapat persepsi pelajar dan ibu bapa yang mengatakan penglibatan dalam bidang sastera tidak menampakkan masa depan yang baik dan boleh mengganggu pencapaian akademik dan tidak akan menyumbang apa-apa terhadap kerjaya mereka. Mungkin mereka merasai KOMSAS tidak ada nilai ekonomi yang tinggi. Walau bagaimanapun mereka menyatakan KOMSAS dapat membentuk nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Satu lagi faktor ialah kerana pelajar ingin menumpukan perhatian kepada mata pelajaran lain yang dirasakan lebih lemah dan lebih penting daripada bahasa Melayu. Peranan guru amat penting dalam menarik minat pelajar supaya pelajar tidak mudah bosan. Mereka harus mementingkan penglibatan semua pelajar dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Lee Kim Hong 2005)

KOMSAS yang diperkenalkan bermula pada tahun 2000 memberikan pelbagai impak kepada guru dan pelajar dalam menguasai bahasa Melayu. Tujuan diwajibkan pengajaran KOMSAS oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk melahirkan pelajar yang minat membaca pelbagai bahan sastera, mempunyai kemahiran berbahasa yang tinggi, berkemampuan menilai serta mengkritik pelbagai karya sastera, dan memiliki semangat mandiri. Maka sewajarnyalah pengajaran KOMSAS dapat melatih pelajar agar bijak

memilih dan meneladani nilai yang baik yang terkandung dalam karya sastera bagi membentuk sahsiah diri yang terpuji (Junaidah Ahmad Ghazali 2008). Seterusnya, pelajar juga dibimbing supaya mampu berfikir dalam menerapkan nilai murni dan unsur kemanusiaan serta persoalan kehidupan sejagat yang dipaparkan melalui karya KOMSAS dalam diri masing-masing. KOMSAS merupakan satu medium yang boleh membentuk dan memantapkan aspek rohani dan emosi selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melaluinya diharapkan emosi pelajar dapat dibentuk dengan jayanya melalui bahan-bahan sastera yang ditetapkan (Mohd Rafe Ngah 2009).

Dalam pembelajaran KOMSAS, pelajar diharapkan dapat memahami teks sastera dan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam subjek tersebut. Mereka diharapkan memahami aspek asas sastera seperti perhubungan antara watak, plot, latar dan pemaparan tema. Mereka tidak diminta memberi jawapan yang panjang lebar. Apa yang lebih penting ialah mereka diharapkan dapat memberi respon yang bijak dalam penganalisisan mereka dengan memberi pembuktian dari teks. Respon-respon sebegini adalah penting kerana ia memberi pelajar peluang untuk berfikir secara kritis. Kajian-kajian lepas menunjukkan ada teks-teks KOMSAS yang pelajar rasa mempunyai jalan cerita yang membosankan. Tidak semua pelajar yang boleh menginterpretasi makna-makna implisit dalam teks sastera. Sekiranya perkara tersebut berlaku, pelajar akan mengalah dan terus tidak mahu untuk memahami teks sastera lagi.

Kajian-kajian KOMSAS

Kemasukan komponen sastera dalam subjek Bahasa Inggeris telah mendorong kajian mengenainya dijalankan. Kajian Ganakumaran Subramanian, Shahizah Ismail dan Koo Yew Lie (2003) membuktikan guru mempunyai sikap positif dan terbuka untuk menerapkan KOMSAS dalam pengajaran BI tetapi pada masa yang sama guru mengharapkan sokongan dan tunjuk ajar yang lebih padu daripada pihak kementerian untuk mengeksploitasi teks sastera itu sendiri. Dapatan kajian Gurnam Kaur Sidhu (2003) pula mendapati pelajar merasa 'bosan' dengan puisi yang diberikan kerana ianya tidak sesuai daripada segi tema, minat dan tahap kemahiran bahasa mereka. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Zalina Mohd Lazim dan Fauziah Ahmad (2008) mendapati pemilihan teks sastera bahasa Inggeris amat penting bagi menentukan pelajar berminat membaca teks tersebut dan seterusnya mendapat pencapaian yang baik dalam peperiksaan bahasa Inggeris mereka. Jelasnya telah ada kajian yang menyangkut masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan KOMSAS di sekolah. Setelah ditelusuri kajian-kajian lepas, kajian ini akan cuba mengubah sedikit perspektif dengan melihat penguasaan KOMSAS remaja dalam pengajaran BM pula (Kalthum et al 2010).

Safiah (1992) menegaskan minat membaca dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks sastera bukan sahaja sekadar menikmati maksud yang tersurat, tetapi juga maksud yang tersirat

di mana ia melibatkan penaakulan dan gerak hati. Unsur sastera dalam pendidikan berfungsi untuk memperluaskan pemikiran individu kerana genre sastera yang bermutu tinggi mempunyai makna yang tersirat yang perlu diperhalusi oleh pembaca. Bahan bacaan sastera boleh menanam sikap suka membaca dalam kalangan pelajar dan membudayakan tabiat membaca dalam masyarakat.

Khairuddin Siran (2005) telah menjalankan kajian tentang persepsi dan sikap pelajar tingkatan empat terhadap KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Tujuan kajian berkenaan dijalankan ialah untuk mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap KOMSAS dan kebolehan pelajar mengkritik dan menilai hasil sastera. Dalam kajian tersebut, Khairuddin menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, kaedah temu bual yang tidak formal dan kaedah tinjauan. Kajian berkenaan sangat ekstensif kerana objektif beliau ialah untuk mengetahui sikap dan minat pelajar terhadap KOMSAS, persepsi pelajar terhadap pengaruh KOMSAS ke atas pemikiran mereka dan nilai kemasyarakatan terhadap dunia global. Dapatan beliau menunjukkan 57 peratus pelajar berminat untuk mempelajari KOMSAS dan 58% bersetuju KOMSAS dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kreatif dan kritis kerana KOMSAS banyak menuntut pelajar menggunakan mental kognitif untuk berfikir.

Dapatan kajian oleh Thahir Nurudin (2005) menunjukkan bahawa ada guru sekolah yang tidak dapat membezakan antara komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (Elektif); guru keliru "sama ada hendak mengajar Bahasa Melayu atau Kesusasteraan Melayu" (2005: 60). Masaalah tersebut dirumitkan oleh pelajar KOMSAS yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, dan lain-lain yang mempunyai tahap kefahaman/kemahiran Bahasa Melayu yang berbeza-beza. Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran, PPK, guru panitia dan guru-guru harus lebih peka dan prihatin kepada kepelbagaian yang ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KOMSAS. Hanya dengan cara yang dinyatakan penguasaan KOMSAS dalam kalangan remaja Malaysia boleh dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

Kaedah Kajian


Kaji selidik ini telah dijalankan selama dua tahun dan kerja lapangan mengambil masa sekitar hampir dua bulan. Seramai 1523 pelajar remaja dari Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak telah menjadi responden kepada kajian kami yang menyajikan gambaran keseluruhan aspek KOMSAS dalam bahasa Melayu untuk melihat tahap penguasaan KOMSAS dalam kalangan remaja di Malaysia. Responden terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 pelbagai aliran kelas dari sekolah menengah harian. Persampelan itu dibuat untuk memenuhi kriteria atribut-atribut yang sering

menjadi pemboleh ubah kepada kejayaan pelajar yang mempelajari KOMSAS, sesuai dengan keperluan kajian kami untuk melihat tahap penguasaan KOMSAS dalam kalangan remaja di Malaysia. Pandangan dan pendapat daripada responden berhubung dengan pembelajaran KOMSAS diperolehi daripada soal selidik dan temu bual pelajar dan perbincangan dengan guru-guru berkenaan yang mengajar bahasa Melayu dan KOMSAS.

Dalam kerangka sosio-psikologi, "sikap" didefinisikan sebagai persediaan mental untuk bertindak. Ia akan menentukan apa yang akan dikata, dengar, fikir dan lakukan. Ia adalah pendorong untuk bertindak balas secara positif atau negatif terhadap sesuatu benda atau situasi. Ia membentuk pendirian pelajar bagaimana untuk menerima dan bertindak terhadap sesuatu. Sikap dalam kerangka kajian kami menunjukkan pendirian pelajar terhadap KOMSAS. "Persepsi" pula didefinisikan sebagai proses untuk menentukan makna yang dirasai. Ia menandakan keupayaan untuk memberi makna pada stimuli. Dalam konteks kajian kami, persepsi adalah pemikiran dan pendapat peribadi dan juga penerimaan pelajar tentang mata pelajaran KOMSAS. "Isi kandungan" adalah teks yang diajar mengikut genre dan silibus. Isi kandungan penting kerana ia menentukan minat pelajar terhadap KOMSAS. Dalam konteks kajian kami, isi kandungan adalah teks KOMSAS yang diajar. Pembolehubah-pembolehubah tersebut diukur dengan jantina – lelaki dan perempuan; kaum – Melayu, Cina, India, Kadazan; aliran kelas – sastera, sains, teknikal serta zon sekolah – bandar dan luar bandar.

Kerangka konsep di Rajah 9.1 menjelaskan kedudukan pembolehubah presaj yang terdiri daripada sikap dan persepsi pelajar terhadap KOMSAS dan juga kesesuaian teks dan isi kandungan dalam teks. Dalam konteks tersebut, ketiga-tiga pemboleh ubah digandingkan dengan demografi mereka untuk melihat keputusan tabur silang antara pembolehubah presaj dan kovariat. Guru merupakan individu penting yang melaksanakan pengajaran. Dalam konteks berkenaan, guru akan menyampaikan pengajaran iaitu menyampaikan kandungan KOMSAS kepada pelajar-pelajar sebagaimana yang dirancangkan dan pelajar mempelajari perkara-perkara yang disampaikan oleh guru. Bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru dan pelajar akan saling berinteraksi dan proses penguasaan KOMSAS pelajar berlaku semasa dan selepas episod tersebut.

Rajah 9.1: Kerangka Konsep Kajian Komsas: Penguasaan, Konflik Dan Harapan Pelajar**.**



Objektif Kajian

Objektif kajian ialah untuk melihat sama ada pelajar tingkatan 4 dapat menguasai KOMSAS yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia. Tahap penguasaan ini diukur melalui kovariat dan pemboleh ubah presaj dan konteks, iaitu sikap, persepsi dan isi kandungan teks untuk melihat tahap penguasaan pelajar terhadap KOMSAS. Kajian kami mengkaji tahap penguasaan Komsas dengan menjawab soalan-soalan yang berikut:

i. Daripada segi jantina, kaum, zon sekolah, keputusan PMR dan aliran kelas, apakah sikap pelajar terhadap KOMSAS?
ii. Daripada segi jantina, kaum, zon sekolah, keputusan PMR dan aliran kelas, apakah persepsi pelajar terhadap KOMSAS?
iii. Daripada segi jantina, kaum, zon sekolah, keputusan PMR dan aliran kelas, adakah pelajar-pelajar ini suka dengan isi kandungan teks KOMSAS?

Profil Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 1523 pelajar tingkatan 4 dari 15 sekolah bandar (721 pelajar – 47.3%) dan luar Bandar 802 pelajar – 52.7%). Dari jumlah ini 702 (46.1%) merupakan pelajar aliran sains, 242 (15.9%) aliran akaun, 408 (26.9%) aliran sastera, 44 (2.9%) aliran teknikal dan 120 (7.9%) pelajar yang memasuki aliran lain seperti sains rumah tangga, teknologi maklumat, bahasa Arab dan lanskap.

Aliran	Cemerlang (Gred A)	Sederhana (Gred B,C)	Lemah (Gred D,E)
Negeri Sembilan	35.9%	48.1%	16.0%
Kedah	44.9%	50.8%	15.7%
Kelantan	69.4%	30.6%	0.0%
Sabah	37.3%	57.7%	5.0%
Sarawak	15.1%	76.0%	8.9%
Min	41.0%	52.3%	6.7%

Jadual 9.1: Pencapaian Bahasa Melayu PMR

Pelajar Kelantan menunjukkan prestasi paling baik untuk mata pelajaran BM di mana 69.4% pelajar mendapat gred A dan 30.6% mendapat gred B atau C, dan tiada pelajar mendapat gred D atau E. Pelajar dari Sabah dan Sarawak menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan di mana sebahagian besar dari mereka iaitu 57.7% pelajar Sabah dan 76.0% pelajar Sarawak mendapat gred B atau C. Dapatan berkenaan tidak memeranjatkan kerana negeri-negeri tersebut kebanyakan mempunyai peratusan pelajar yang paling kurang penutur BM sebagai bahasa ibunda mereka.

Aliran	Cemerlang (Gred A)	Sederhana (Gred B,C)	Lemah (Gred D,E)	Jumlah
Sains	64.5%	34.5%	1.0%	100.0%
Akaun	38.4%	56.2%	5.4%	100.0%
Sastera	11.0%	75.0%	14.0%	100.0%
Teknikal	36.4%	52.3%	11.4%	100.0%
Lain-lain	11.7%	71.7%	16.7%	100.0%
Min	41.0%	52.3%	6.7%	100.0%

Jadual 9.2: Pencapaian keputusan PMR mengikut aliran kelas

Jika dilihat daripada segi pencapaian keputusan mata pelajaran PMR mengikut aliran kelas, dapatan menunjukkan bahawa paling ramai pelajar yang mendapat gred A (64.5%) dimasukkan ke aliran sains, diikuti 38.4% pelajar aliran akaun, 36.4% aliran teknikal, dan hanya 11.0% pelajar yang mendapat gred A dimasukkan ke aliran sastera. Perbandingan di antara aliran menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar aliran sains terdiri daripada pelajar yang penguasaan Bahasa Melayu mereka adalah di tahap baik. Aliran sastera pula mempunyai peratusan pelajar paling rendah mendapat Gred A (11.0%); dan majoriti pelajar terdiri daripada pelajar yang penguasaan Bahasa Melayu mereka di tahap sederhana (75.0% pelajar mendapat gred B atau C) atau lemah (14.0% pelajar mendapat gred D atau E).

Di peringkat sekolah menengah, setiap tahun pelajar diagihkan dua buku teks untuk dipelajari. Satu teks merupakan antologi yang mengandungi 6 cerpen, 3 drama, 6 puisi moden, 6 puisi tradisional dan 4 prosa tradisional. Pelajar juga diwajibkan membaca satu novel daripada pilihan 4 judul yang ditetapkan mengikut zon. Keadaan tersebut bermakna pelajar didedahkan kepada 26 karya setiap tahun. Oleh itu, pendedahan pelajar kepada pelbagai teks sastera tradisional dan moden dalam Bahasa Melayu adalah agak meluas.

Teks-teks KOMSAS digunakan sebagai alat bantu untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Melayu pelajar. Di samping itu, pelajar aliran sastera yang mengambil mata pelajaran sastera elektif dalam tingkatan 4 dan 5 akan mendapat pendedahan yang lebih meluas dan mendalam dengan mempelajari 2 novel, 17 cerpen, 5 drama, 46 puisi moden, 20 puisi tradisional dan 6 prosa tradisional. Penaksiran untuk komponen berkenaan dilakukan di peringkat sekolah dan pemeriksaan pusat seperti PMR (10%) dan SPM (40% dalam Kertas 2).

Analisa Dapatan Kajian

Terdapat tiga pemboleh ubah presaj dalam soal selidik yang berkaitan dengan KOMSAS Bahasa Melayu iaitu persepsi, sikap dan isi kandungan teks KOMSAS. Sepuluh soalan merupakan soalan berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap KOMSAS Bahasa Melayu, lima soalan berkaitan sikap dan lima soalan berkaitan pandangan pelajar terhadap isi kandungan KOMSAS. Kovariat-kovariat yang akan diberi tumpuan dalam makalah kami adalah aliran kelas, pencapaian PMR Bahasa Melayu dan suku kaum.

Persepsi Remaja terhadap KOMSAS

Dalam kategori persepsi pelajar terhadap KOMSAS, pelajar diminta memberi pandangan tentang sepuluh kenyataan seperti yang berikut:

1. Belajar KOMSAS adalah perkara yang susah.
2. KOMSAS dapat membantu saya memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu saya.
3. Penguasaan Bahasa Melayu yang sedia ada tidak mencukupi untuk memahami teks sastera dengan baik.
4. Membuat folio KOMSAS dapat membantu untuk memahami teks dengan lebih baik.
5. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengajar KOMSAS menyeronokkan.
6. Alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru dapat membantu saya memahami KOMSAS dengan lebih mudah.
7. Teks KOMSAS dapat menambah pengetahuan saya.
8. Teks KOMSAS yang digunakan amat sesuai untuk remaja.
9. KOMSAS menyebabkan saya berminat untuk membaca bahan-bahan sastera yang lain seperti cerpen, novel, dsb.
10. KOMSAS membantu saya memahami masyarakat Malaysia dengan lebih baik.

Pada keseluruhannya, kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap KOMSAS seperti yang berikut:

Aliran	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Sains	0.3%	22.8%	76.9%	100.0%
Akaun	0.0%	19.8%	80.2%	100.0%
Sastera	0.0%	12.7%	87.2%	100.0%
Teknikal	0.0%	22.7%	77.3%	100.0%
Lain-lain	0.0%	24.2%	75.8%	100.0%
Min	0.1%	19.7%	80.1%	100.0%

Jadual 9.3: Persepsi Pelajar Mengikut Aliran terhadap KOMSAS

Pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan pertama dan bersetuju dengan kenyataan-kenyataan kedua hingga kesepuluh dengan peratusan yang berbeza-beza. Terdapat beberapa hasil kajian yang agak menyerlah yang akan diketengahkan untuk perbincangan. Secara keseluruhannya, hanya 24.7% dari pelajar Tingkatan 4 pelbagai aliran berpendapat belajar KOMSAS adalah perkara yang susah. Kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan berpendapat belajar KOMSAS adalah senang, tetapi peratusannya agak rendah iaitu di antara 47.1% (akaun) dan 41.1% (lain-lain).

Didapati 66.5% pelajar remaja tingkatan 4 bersetuju bahawa KOMSAS dapat membantu mereka memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu mereka. Untuk kenyataan ketiga, peratusan pelajar yang menyatakan penguasaan Bahasa Melayu yang sedia ada tidak mencukupi untuk memahami teks sastera dengan baik adalah agak rendah, iaitu antara 53.0% untuk aliran sains dan 30.3% untuk aliran lain-lain. Begitu juga pelajar sastera, hanya 44.6% bersetuju dan 19.1% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa pelajar sastera yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang sederhana dan lemah kurang mampu untuk menghayati teks sastera yang diperuntukkan.

Untuk kenyataan lapan, peratusan yang bersetuju dengan kenyataan tersebut agak rendah, di mana peratusan tertinggi iaitu 58.4% adalah pelajar dari aliran sains dan 43.3% pelajar aliran lain-lain menunjukkan peratusan paling rendah. Peratusan pelajar yang tidak pasti sama ada teks KOMSAS adalah sesuai juga agak tinggi, di mana aliran lain-lain mencatat 42.7% dan aliran sastera mencatat 37.7%, diikuti 31.8% untuk aliran akaun, 29.5% dari aliran teknikal dan 27.1% untuk aliran sains.

Aliran	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Jumlah
Sains	58.4%	27.1%	14.5%	100.0%
Akaun	56.2%	31.8%	12.0%	100.0%
Sastera	55.1%	37.7%	7.1%	100.0%
Teknikal	56.8%	29.5%	13.6%	100.0%
Lain-lain	43.3%	41.7%	15.0%	100.0%
Min	55.9%	31.9%	12.1%	100.0%

Jadual 9.4: Kesesuaian Teks KOMSAS (Kenyataan 8)

Hal ini berkemungkinan besar disebabkan oleh pilihan teks yang kurang tepat di mana sebahagian teks yang dipilih merupakan hasil nukilan pengarang mapan Malaysia (seperti *Putera Gunung Tahan* - Ishak Haji Muhammad, *Jangan Bunuh Rama-Rama* - Noordin Hassan dan *Kerusi* - Hatta Azad Khan) yang tidak menyasarkan remaja sebagai pembaca mereka. Terdapat juga teks nukilan sasterawan mapan Malaysia yang mempunyai protagonis remaja seperti *Konserto Terakhir* (Abdullah Hussain) dan *Terminal Tiga* (Othman Puteh) tetapi penggunaan bahasa dan cara penceritaan yang agak kompleks menyukarkan pemahaman dan penghayatan pelajar (Zalina dan Fauziah 2008). Persetujuan pelajar dengan kenyataan sembilan dan sepuluh menunjukkan bahawa modul KOMSAS telah berjaya meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar remaja Malaysia dan boleh membantu mereka memahami masyarakat Malaysia dengan lebih baik.

Sikap Remaja terhadap KOMSAS

Dalam kategori persepsi pelajar terhadap KOMSAS, pelajar diminta memberi pandangan tentang lima kenyataan seperti yang berikut:

1. Saya tidak suka membaca buku dalam Bahasa Melayu.
2. Setelah belajar komsas Bahasa Melayu, saya mula berminat membaca buku sastera.
3. Saya minat membaca buku sastera Bahasa Melayu.
4. Saya tidak menyukai teks KOMSAS Bahasa Melayu kerana jalan ceritanya membosankan.
5. Saya tidak menyukai teks KOMSAS Bahasa Melayu kerana gaya bahasanya terlalu susah.

Pada keseluruhannya, kebanyakan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap KOMSAS, seperti yang berikut:

Aliran	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Sains	2.1%	31.1%	66.8%	100.0%
Akaun	4.1%	28.9%	66.9%	100.0%
Sastera	0.2%	18.4%	81.4%	100.0%
Teknikal	0.0%	31.8%	68.2%	100.0%
Lain-lain	1.7%	36.7%	61.7%	100.0%
Min	1.8%	27.8%	70.4%	100.0%

Jadual 9.5: Sikap Pelajar terhadap KOMSAS

Pelajar remaja bersetuju dengan kenyataan dua dan tiga, dan tidak bersetuju dengan kenyataan satu, empat dan lima. Sebilangan besar pelajar remaja menyangkal kenyataan satu dan menyatakan mereka membaca buku dalam Bahasa Melayu. Tetapi peratusan pelajar yang menyatakan mereka minat membaca buku sastera dalam Bahasa Melayu (kenyataan tiga)

menurun, di mana pelajar aliran sastera menunjukkan peratusan tertinggi (66.7%). Perkara tersebut mencerminkan bidang pengkhususan mereka. Peratusan untuk pelajar aliran lain adalah jauh lebih rendah, di mana pelajar aliran akaun mencatatkan 43.8%, pelajar aliran lain-lain 41.7%, pelajar aliran akaun 41.5% dan pelajar aliran teknikal yang terendah iaitu 36.4%.

Didapati 47.1% pelajar dari semua aliran bersetuju bahawa setelah mempelajari KOMSAS Bahasa Melayu, mereka mula berminat membaca buku sastera. Pelajar menyatakan bahawa untuk kenyataan lima, kumpulan terbesar pelajar menjawab "tidak setuju" (46.8%) kepada kenyataan tersebut, tetapi peratusan yang tidak setuju hanya 50.0% untuk pelajar aliran sastera, dan menurun sehingga 35.8% untuk pelajar aliran lain-lain.

Persepsi Remaja terhadap isi kandungan KOMSAS

Dalam kategori isi kandungan KOMSAS, pelajar diminta memberi pandangan tentang lima kenyataan seperti yang berikut:

1. Teks sastera yang saya pelajari mempunyai persamaan dengan cara hidup saya.
2. Teks sastera yang saya pelajari tidak mempunyai nilai murni.
3. Teks sastera yang saya pelajari boleh membuat saya berfikir dengan lebih matang.
4. Teks sastera yang saya pelajari menggunakan bahasa yang mudah difahami.
5. Teks sastera yang saya pelajari tidak dapat memperbaiki kefahaman Bahasa Melayu saya.

Pada keseluruhannya, kebanyakan pelajar remaja memberi pandangan yang positif terhadap isi kandungan KOMSAS, seperti yang berikut:

Aliran	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Sains	0.4%	23.5%	76.1%	100.0%
Akaun	0.8%	21.5%	77.7%	100.0%
Sastera	0.2%	13.7%	86.0%	100.0%
Teknikal	0.0%	25.0%	75.0%	100.0%
Lain-lain	0.0%	30.8%	69.2%	100.0%
Min	0.4%	21.2%	78.4%	100.0%

Jadual 9.6: Persepsi pelajar terhadap isi kandungan KOMSAS

Secara am, pelajar bersetuju dengan kenyataan tiga dan empat dan tidak bersetuju dengan kenyataan dua dan lima. Untuk kenyataan pertama, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar remaja tidak pasti bahawa teks sastera yang dipelajari mempunyai persamaan dengan cara hidup mereka, dapatan menunjukkan seperti yang berikut:

Aliran	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah
Sains	32.9%	43.9%	23.2%	100.0%
Akaun	26.0%	47.9%	26.0%	100.0%
Sastera	21.6%	50.5%	27.9%	100.0%
Teknikal	20.5%	31.8%	47.7%	100.0%
Lain-lain	33.3%	45.8%	20.8%	100.0%
Min	28.4%	46.1%	25.5%	100.0%

Jadual 9.7: Persamaan Antara Teks KOMSAS dengan Cara Hidup Pelajar (Kenyataan 1)

Maklum balas seperti ini, berkemungkinan disebabkan pemilihan teks yang kurang tepat di mana kebanyakkan teks yang dipelajari mengetengahkan watak dan berlatarbelakangkan masyarakat Melayu, watak bukan Melayu disisipkan sekadar watak sampingan dan kurang mencerminkan masyarakat berbilang kaum dan agama yang sedia ada di Malaysia. Dapatan kajian untuk kenyataan tersebut juga berkaitan dengan kenyataan lapan dari bahagian persepsi iaitu "Teks KOMSAS yang digunakan amat sesuai untuk remaja", di mana pelajar remaja memberi maklumbalas yang hampir sama.

Dapatan menunjukkan bagi kenyataan kelima, peratusan pelajar yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut adalah agak rendah. Peratusan yang tertinggi adalah pelajar dari aliran sastera (50.0%) yang bertanggapan gaya bahasa KOMSAS tidak terlalu susah dan mereka menyukai teks KOMSAS Bahasa Melayu. Pelajar dari aliran-aliran lain memberi peratusan yang lebih rendah – sains (46.9%), akaun (47.9%), teknikal (38.6%) dan aliran lain-lain (35.8%).

Perbandingan persepsi, sikap dan isi kandungan dengan markah keseluruhan kertas ujian kajian dan bahagian KOMSAS

Kajian kami menyediakan kertas soalan yang mirip kertas soalan SPM, yang antara lain bertujuan untuk mendapatkan data tentang tahap penulisan dan pemahaman pelajar tentang teks sastera yang dipelajari. Salah satu objektif modul KOMSAS adalah memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Pada keseluruhannya, markah keseluruhan (Bahagian A dan B) yang didapati adalah seperti yang berikut:

Aliran	Cemerlang	Sederhana	Lemah	Tidak lengkap	Jumlah
Sains	78.4%	52.9%	26.4%	32.8%	46.3%
Akaun	10.1%	15.8%	16.4%	28.1%	16.0%
Sastera	6.8%	22.4%	41.5%	25.0%	26.9%
Teknikal	2.7%	2.3%	3.8%	4.7%	2.9%
Lain-lain	2.0%	6.6%	9.4%	9.4%	7.9%
Min	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 9.8: Markah Keseluruhan [Bahagian A dan B] mengikut aliran kelas

Jadual 9.8 menunjukkan bahawa kumpulan terbesar pelajar aliran sains mendapat keputusan cemerlang (78.4%). Hanya 6.8% pelajar aliran ssastera mampu mendapat keputusan cemerlang, berbanding 10.1% akaun, 2.7% pelajar aliran teknikal dan 2.0% aliran lain. Kumpulan terbesar pelajar aliran sastera (41.5%) dan lain-lain (11.9%) adalah ditahap sederhana dan pelajar aliran akaun (28.2%) dan teknikal (4.7%) tidak mencuba atau tidak dapat menjawab semua soalan dalam masa yang ditetapkan.

Jadual 9.9 pula menunjukkan data yang sama mengikut suku/kaum. Daripada segi suku/kaum hanya sebahagian besar pelajar Melayu (70.3%) mendapat keputusan cemerlang. Pelajar remaja dari kaum Kadazan (2.2%) mendapat keputusan sederhana, manakala pelajar berketurunan Iban (7.0%) dan Lain-lain (28.7%) mendapat keputusan lemah. Hanya 4.1% pelajar Cina mendapat keputusan cemerlang dan pelajar terbaik daripada keturunan India (2.9%) mendapat keputusan sederhana. Walaupun pelajar remaja Melayu merupakan penutur ibunda Bahasa Melayu, masih terdapat pelajar Melayu yang mendapat keputusan yang tidak baik. Perkara tersebut mungkin disebabkan pelajar berkenaan mengambil ringan dan merasa mereka tidak perlu mentelaah kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda mereka.

Suku/Kaum	Cemerlang	Sederhana	Lemah	Tidak lengkap	Min
Melayu	70.3%	65.5%	41.1%	53.1%	57.7%
Cina	4.1%	6.2%	16.0%	31.3%	10.1%
India	0.0%	2.9%	5.5%	6.3%	3.6%
Iban	0.7%	3.8%	7.0%	0.0%	4.3%
Kadazan	2.0%	2.2%	1.7%	1.6%	2.0%
Lain-lain	23.0%	19.7%	28.7%	7.8%	22.3%
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 9.9: Markah Keseluruhan [Bahagian A dan B] mengikut suku/kaum

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penutur Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda yang memasuki aliran sains sahaja mempunyai tahap kemahiran yang mencukupi untuk mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebahagian besar pelajar remaja bukan Melayu dalam aliran-aliran seperti akaun, sastera dan teknikal yang mempunyai tahap kemahiran sederhana atau lemah tidak mampu mencapai keputusan yang cemerlang.

Tahap pencapaian pelajar berdasarkan soalan kertas ujian menunjukkan bahawa walaupun pelajar remaja mempunyai persepsi, sikap dan pandangan yang positif terhadap modul KOMSAS, pada realitinya tahap pencapaian daripada segi kebolehan menjawab soalan peperiksaan KOMSAS kurang memuaskan. Pada keseluruhannya, markah soalan KOMSAS dalam kertas ujian kajian adalah seperti yang berikut:

Suku/Kaum	Baik	Sederhana	Lemah	Tidak lengkap	Min
Melayu	49.6%	58.3%	59.9%	53.8%	57.7%
Cina	9.9%	10.7%	8.7%	30.8%	10.1%
India	3.4%	6.4%	2.9%	6.2%	3.6%
Iban	2.3%	4.3%	5.2%	0.0%	4.3%
Kadazan	3.4%	3.2%	1.4%	1.5%	2.0%
Lain-lain	31.3%	17.1%	21.9%	7.7%	22.3%
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 9.10: Markah Keseluruhan [Bahagian B (e)] mengikut suku/kaum

Peratusan pelajar remaja yang dapat menjawab soalan dengan baik menurun berbanding keputusan markah keseluruhan. Hanya 49.6% pelajar Melayu dapat menjawab soalan dengan baik. Lebih ramai pelajar Melayu mendapat keputusan sederhana (58.3%) atau lemah (59.9%), dan terdapat 53.8% yang membiarkan soalan KOMSAS kosong, tidak terjawab. Untuk suku kaum yang lain, kumpulan terbesar pelajar Cina mendapat markah yang sederhana baik (10.7%), pelajar India juga mendapat keputusan yang sederhana baik (6.4%). Walaupun tahap kemahiran bahasa pelajar Kadazan berada di tahap sederhana, mereka mampu mendapat markah yang baik untuk soalan KOMSAS. Perkara tersebut mungkin disebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran KOMSAS yang lebih berkesan.

Aliran	Baik	Sederhana	Lemah	Tidak lengkap	Min
Sains	66.4%	41.5%	42.9%	32.3%	46.3%
Akaun	11.8%	17.0%	16.1%	27.7%	16.0%
Sastera	14.1%	28.7%	30.0%	26.2%	26.9%
Teknikal	0.8%	2.1%	3.5%	4.6%	2.9%%
Lain-lain	0.8%	10.6%	7.6%	9.2%	7.9%
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 9.11: Markah KOMSAS [Bahagian B (e)] mengikut aliran kelas

Jika dikaji daripada segi aliran kelas, pelajar aliran sains masih menduduki tempat teratas. Tahap penguasaan Bahasa Melayu yang baik memudahkan pemahaman teks sastera dan membolehkan mereka menjawab soalan dengan baik. Pelajar aliran akaun (17.0%) mampu menunjukkan prestasi yang sederhana, manakala pelajar aliran teknikal dan lain-lain hanya menunjukkan prestasi yang lemah. Pelajar aliran sastera yang menjadikan sastera disiplin pilihan mereka, hanya mempu menunjukkan prestasi yang sederhana atau lemah disebabkan tahap penguasaan Bahasa Melayu yang kurang mantap.

Kesimpulan dan Saranan Masa Muka

Dapatan kajian kami memcerminkan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar remaja Malaysia. Tahap penguasaan KOMSAS

Bahasa Melayu remaja Malaysia berkait rapat dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu mereka. Pelajar Tingkatan 4 disalurkan ke beberapa aliran pengajian berdasarkan keputusan PMR mereka. Pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dimasukkan ke aliran sains. Pelajar yang berkeputusan baik dimasukkan ke aliran akaun atau teknikal.

Pelajar yang memasuki aliran sastera selalunya merupakan pelajar lemah yang kurang minat belajar, kurang minat membaca dan mempunyai tahap penguasaan bahasa yang sederhana atau lemah. Profil sebegitu tidak sesuai dengan kehendak disiplin pengajian sastera yang memerlukan pelajar yang mempunyai minat membaca yang mendalam, yang mengharuskan pelajar mempunyai tahap penguasaan bahasa lisan dan penulisan yang baik yang boleh digembleng dalam proses penghayatan, pemahaman dan penghuraian teks-teks sastera secara kritis dan teliti. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia disaran melihat semula kriteria penyaluran pelajar selepas PMR, terutamanya untuk aliran sastera.

Penguasaan KOMSAS pelajar juga mempunyai kaitan dengan pemilihan teks. Senarai teks sastera yang digunakan dalam kitaran pertama KOMSAS kurang mengambil kira beberapa faktor seperti usia, minat dan kematangan pelajar. Di negara Barat, sub-genre sastera remaja (*Young Adult Literature* untuk mereka yang berusia antara 13 – 20 tahun) telah lama bertapak dan mempunyai teks-teks kanunnya sendiri. Topik dan cerita yang diutarakan dalam cerita-cerita sastera remaja berfokus dunia remaja, di mana protagonis remaja seperti mereka menghadapi dan cuba merungkai pelbagai masalah seperti identiti diri, impak terhadap mereka apabila keluarga bermasalah, pergolakan emosi apabila kawan menjadi lawan atau jatuh cinta untuk kali pertama. Tema yang paling kerap dipaparkan dalam teks sastera remaja Barat berkisar kepada proses kesedaran kendiri (*self awareness*) dan rasa bertanggungjawab atas kehidupan sendiri. Karyawan sastera remaja Barat juga merupakan penulis yang memberi tumpuan khusus kepada remaja, dan mempunyai gaya bahasa untuk menulis, menangkap minat dan sekali gus memenuhi cita rasa golongan remaja.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggunakan kriteria yang lebih terperinci dan prihatin dalam pemilihan teks untuk kitaran kedua KOMSAS mulai 2010. Antara pertimbangan yang diambil kira oleh PPK semasa proses pemilihan teks dilaksanakan adalah karya/teks yang dipilih mesti selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Elektif. Karya dan teks sastera yang dipilih "mempertimbangkan tiga dimensi utama, iaitu dimensi bahan, dimensi pedagogi dan dimensi murid. Dimensi bahan melibatkan pemilihan teks untuk KOMSAS daripada segi mutu, nilai estetik dan kesesuaian. Dimensi pedagogi merangkumi '…kehendak kurikulum mata pelajaran berkaitan, kebolehlaksanaan dalam pengajaran dan

pembelajaran dan kemanfaatan ilmu dan pengalaman kepada penyebar dan penerima' " (*Utusan Malaysia* 28/01/2008). Dimensi murid termasuk isu memupuk minat membaca, menentukan teks pilihan mudah difahami dan boleh meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Maklum balas awal dari sekolah menunjukkan teks sastera kitaran kedua tersebut membuat pelajar remaja teruja dan tidak sabar untuk mempelajarinya.

Walaupun dapatan kajian kami menunjukkan bahawa alat bantu mengajar ada digunakan dan guru ada mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pengajaran KOMSAS masih terlalu bersifat formalistik dan tidak lari daripada penghuraian watak, pengolahan cerita, tema, nilai murni, dan sebagainya. Pengajian sastera kini bersifat antar disiplin, di mana sastera dikaitkan dengan disiplin lain seperti media dan komunikasi, sains politik, psikologi, dan sebagainya. Oleh itu, definisi mata pelajaran sastera mungkin elok dilihat semula, supaya pelajar dapat melihat kerelevanan baru mata pelajaran sastera dalam konteks globalisasi.

Rujukan

Ganakumaran Subramanian, Shahizah Ismail & Khoo Yew Lee. (2003). Pedagogical implications of the incorporation of the literature component in the Malaysian ESL syllabus. In: Malachi Edwin & Ganakumaran Subramaniam (eds.). *Teaching of literature in ESL/ EFL contexts*, pp. 62-87. Petaling Jaya:Sasbadi Sdn. Bhd.

Gurnam Kaur Sidhu. (2003). 'Literature in the language classroom: Seeing through the eyes of learners'. in Ganakumaran S. (ed.) *Teaching of Literature in ESL/EFL Contexts*. Petaling Jaya: Sasbadi.

Junaidah Ahmad Ghazali. (2004). Komsas selepas empat tahun. *Pelita Bahasa*. Jilid 16 Bil.12 Dis 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles &ArticleID=251

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994a). *Unsur-unsur sastera dalam pendidikan bahasa Melayu: Contoh pengajaran dan pembelajaran Tingkatan 1 – 111*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Pendidikan.

Khairuddin Siran. (2005). Kajian sikap dan tnaggapan pelajar tingkatan empat terhadap mata pelajaran komponen sastera dalam bahasa Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Kebangsaan. Kuala Terengganu.

Lee Kim Hong (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan PelajaranPengajian Cina. KDPM: Maktab Perguruan Raja Melewar. http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan seminarpapers/2005/leeMPRM.pdf

Mohd Rafe Ngah. (2009). *Kajian KOMSAS*. http://www.scribd.com/doc/ 22532034/Kajian-KOMSAS

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). Laporan pelaksanaan komponen

sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahun 2001 [translation]. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Safiah Osman. 1992. Promoting cultural awareness and understanding through reading focus in the Malaysian classroom. In: Jamaliah Mohd Ali (ed.) *Proceedings in literacy in Asian societies*. 3: 21-29.

Seman Salleh. (2005). Tesis PhD. Interaksi Lisan Dalam Pengajaran Komsas bahasa Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Thahir Nuruddin. (2005). Kefahaman guru tentang konsep komponen kesusasteraan Melayu dalam matapelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal IPBA* Jilid 3 Bil.3, 49-63.

Zalina Mohd Lazim & Fauziah Ahmad. (2008). Pemilihan dan kesesuaian teks untuk komponen sastera dalam bahasa Inggeris. Dlm. Norhashimah Jalaluddin, Noraini Ibrahim & Norsimah Mat Awal (pnyt). *Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua: Masalah dan cabaran*. 170-192. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.